

Latihan:

Isi tempat kosong dengan kata ganti nama diri laras bahsa istana yang betul.

1. Sultan Zainal sangat disayangi oleh rakyat jelata kerana _____ ialah pemerintah yang adil.
2. "Segala titah _____ akan patik laksanakan dengan segera," kata Hang Kasturi kepada Sultan Iskandar.
3. "_____ berasa sukacita dengan kemakmuran negeri kita ini," kata Sultan Ahmad Syah kepada penduduk kampung.
4. "Janganlah _____ dihina begini," rayu saudagar itu kepada Malim Kundang.
5. "_____ telahpun menjalankan tugas yang tuanku titahkan," kata bendahara kepada Sultan Mahmud.
6. Sultan Perak akan berangkat ke majlis perkahwinan anakanda _____ sebentar lagi.
7. "_____ berharap mangsa banjir dapat bersabar," titah Raja Perlis.
8. Sebagai sultan negeri ini, _____ berharap agar semua rakyat jelata bekerjasama membanteras masalah lanun di perairan negeri kita," titah Sultan Melaka.
9. _____ seorang sultan yang disanjung oleh rakyat.
10. "_____ berharap agar kamu dapat menewaskan lanun-lanun itu," titah Sultan Mansur Syah kepada Hang Tuah.
11. Sebaik sahaja Sultan Mansur Syah tiba, penduduk Kampung Batu Tiga keluar beramai-ramai kerana ingin bertemu dengan _____.
12. "_____ telah banyak melihat corak hidup manusia," kata pengembara itu kepada Engku Azlina.
13. "_____ mahu beristirahat sekarang," titah Sultan Mansur.